

1. Bahagian yang **bergaris** dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tidak ada kesalahan.



Pengawas yang bertugas ingat calon agar tidak bercakap ketika peperiksaan sedang dijalankan.

- ☐ A mengingatkan calon agar tidak bercakap
☐ B ingatkan calon kerana tidak bercakap
☐ C mengingati calon supaya tidak cakap
☐ D ingat calon agar tidak bercakap

2. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Borang penyertaan skim tanaman getah semula boleh diambil di pejabat RISDA pada akhir tahun ini.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Borang penyertaan	Penyertaan borang
B	tanaman getah semula	tanaman semula getah
C	di	ke
D	akhir	akhir-akhir

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

3. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Kenangan manis semasa aku belajar di luar negara pada tahun lepas masih segar di dalam ingatanku.

	Kesalahan	Pembetulan
A	semasa	apabila
B	di luar	ke luar
C	pada	di
D	di dalam	dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

4. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pagi-pagi lagi Puan Azizah sudah mengejutkan anak-anaknya supaya jaga untuk menunaikan solat sunat Hari Raya Aidilfitri.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Pagi-pagi lagi	Pagi lagi
B	sudah	akan
C	supaya	bagi
D	jaga	bangun

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

5. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Keris merupakan senjata utama masyarakat Melayu di zaman dahulu dan kini menjadi warisan yang berharga.

	Kesalahan	Pembetulan
A	merupakan	adalah
B	di	pada
C	dan	lalu
D	yang	kerana

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

6. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Poskad yang diterima oleh Julia itu ialah daripada abangnya di Tokyo, Jepun.

	Kesalahan	Pembetulan
A	yang	bahawa
B	oleh	dengan
C	ialah	adalah
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

7. Pilih **struktur ayat** yang betul.

- ☐ A Menceburi sukan lumba basikal ini kamu sejak bilakah?
☐ B Kamu menceburi sukan lumba basikal ini sejak bilakah?
☐ C Sejak bilakah kamu menceburi sukan lumba basikal ini?
☐ D Sejak bilakah menceburi kamu sukan lumba basikal ini?


8. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Bayi yang sedang tidur lena di dalam buaian itu terjaga bila mendengar bunyi guruh yang kuat.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sedang	pernah
B	di dalam	dalam
C	bila	apabila
D	yang	bahawa

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

9. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Sepasukan pengganas telah mencerooh masuk ke dalam bangunan pentadbiran kerajaan semalam.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Sepasukan pengganas	Segerombolan pengganas
B	mencerooh masuk	masuk mencerooh
C	ke	di
D	bangunan pentadbiran kerajaan	bangunan kerajaan pentadbiran

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

10. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Puan Tan sudah menerima sebarang berita daripada pihak polis tentang anaknya yang hilang itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sudah	belum
B	daripada	dari
C	tentang	akan
D	yang	bahawa

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

11. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Dalam pandangan saya, program ini gagal dilaksanakan kerana tidak ada semangat kerjasama dalam kalangan ahli persatuan.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dalam pandangan	pada pandangan
B	kerana	apabila
C	tidak	bukan
D	dalam kalangan	di dalam kalangan

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

12. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Bapa saya sudah bukan bekerja lagi selepas lumpuh akibat kemalangan jalan raya pada tahun lepas.

	Kesalahan	Pembetulan
A	sudah	akan
B	bukan	tidak
C	selepas	ketika
D	pada	di

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

13. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Sudah hampir satu setengah jam Kamarul menunggu Hadi di perhentian bas namun Hadi masih belum muncul.

	Kesalahan	Pembetulan
A	Sudah hampir	Sudah hampir-hampir
B	satu setengah jam	satu jam setengah
C	perhentian bas	bas perhentian
D	namun	kecuali

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D


14. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pemberita yang berada di lokasi kejadian tanah runtuh itu akan melaporkan kejadian tersebut dari masa ke semasa kepada orang ramai.

	Kesalahan	Pembetulan
A	di	pada
B	tanah runtuh	runtuh tanah
C	melaporkan kejadian	melaporkan tentang kejadian
D	dari masa ke semasa	dari semasa ke semasa

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

15. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Tugasan yang banyak itu tidak mampu saya siapkan pada masa yang sungguh singkat.

	Kesalahan	Pembetulan
A	tidak	bukan
B	saya siapkan	disiapkan oleh saya
C	pada	dalam
D	singkat	rendah

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

16. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Di kampung saya masih terdapat sebuah rumah yang berlantaikan dengan buluh dan beratapkan nipah.

	Kesalahan	Pembetulan
A	masih	belum
B	sebuah	sebutir
C	berlantaikan dengan buluh	berlantaikan buluh
D	dan	atau

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

17. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Pihak bertanggungjawab perlu memikirkan cara yang terpalang berkesan untuk mengatasi masalah kekurangan pengangkutan awam di kawasan itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	perlu	dapat
B	terpalang berkesan	paling berkesan
C	untuk	supaya
D	di	ke

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

18. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.



Ubat batuk yang diberikan oleh doktor itu saya menyimpan di dalam peti sejuk.

	Kesalahan	Pembetulan
A	yang	bahawa
B	oleh	dengan
C	saya menyimpan	saya simpan
D	di dalam	dalam

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

19. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

Dia meminta maaf dengan saya kerana terlupa untuk memulangkan wang yang dipinjamnya daripada saya.

	Kesalahan	Pembetulan
A	dengan	daripada
B	kerana	apabila
C	memulangkan	pulangkan
D	daripada	oleh

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D

20. Dalam ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan bahasa tersebut dan pilih jawapan yang betul.

"Nelayan itu menjual hasil tangkapannya kepada saya dengan harga yang paling murah sekali," kata pemborong itu.

	Kesalahan	Pembetulan
A	menjual hasil tangkapannya kepada saya	menjual kepada saya hasil tangkapannya
B	hasil tangkapannya	tangkapan hasilnya
C	dengan harga	dalam harga
D	paling murah sekali	murah sekali

- ☐ A
☐ B
☐ C
☐ D